



PERTISAS

e-BULETIN

eISSN 2948-3700



EDISI 1 : 2022 e-ISSN 2948-3700

<https://pertisas.utm.my/>

PRAKATA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNYA tahun 2021

telah berjaya kita harungi dengan penuh tabah dan penuh dedikasi walaupun kita ketahui cabaran utama penularan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh ahli PERTISAS dan Jawatankuasa yang dilantik semasa AGM di atas kepercayaan melantik saya sebagai Presiden baharu mulai sesi 2022/24. Saya berharap agar tanggungjawab yang besar ini dapat dibawa dengan sehabis baik dalam memimpin PERTISAS ke tahap yang lebih tinggi. Saya mendoakan agar tahun-tahun yang mendatang akan menjadi lebih produktif dan bermanfaat kepada semua warga UTM dan ahli PERTISAS khususnya.

Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada Biro Penerbitan PERTISAS yang diketuai oleh Saudara Muhammad Hanafi bin Md Sah atas penerbitan siri pertama tahun 2022 e-buletin PERTISAS pada kali ini. E-buletin ini akan diterbitkan empat bulan sekali. Saya berharap agar penerbitan ini sedikit sebanyak dapat menjadi sebagai salah satu platform untuk ahli-ahli persatuan mendapat berita perkembangan semasa dan info-info terkini yang berlaku di PERTISAS.

Terima kasih juga diucapkan kepada Biro

Penerbitan kerana memberi ruang kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dalam buletin yang pertama pada tahun ini. Kita akui banyak lagi yang perlu dilakukan, banyak lagi kekurangan yang perlu dibaiki. Namun, jika semua ahli memberi idea, sumbangan karya, artikel dan bahan terbitan lain barangkali banyak lagi yang dapat dimuatkan dalam edisi-edisi yang akan datang. Silalah tampil ke hadapan. Proses komunikasi perlu dipertingkatkan dan semestinya ada saluran-saluran yang boleh digunakan dalam menyampaikan pandangan dan pendapat dalam memastikan persatuan dapat bergerak dengan harmoni dalam melaksanakan misi dan visi universiti.

Bagi tahun 2022 ini, saya ingin mengajak semua yang terlibat untuk memperkuat ukhuwah dan komitmen kepada persatuan yang tercinta ini. Kita perlu berganding bahu dan membantu di antara satu sama lain dalam menghadapi gerak kerja yang semakin mencabar pada masa akan datang.

Sekian terima kasih.

AZIZUL AZMAN
PRESIDEN
PERSATUAN PEGAWAI TADBIR
& IKHTISAS

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

En Azri bin Hohad

KETUA EDITOR

En Muhammad Hanafi bin Md Sah

EDITOR

Ts. Mazlan bin Said
Cik Fazleen binti Slamet

PENYELARAS BULETIN

EXCO Penerbitan
PERTISAS
Universiti Teknologi Malaysia

ISI KANDUNGAN

- 1 **Prakata Presiden PERTISAS**
- 2 **Senarai kepimpinan baharu**
- 3 **Mesyuarat Agung PERTISAS**
- 4 **Ramadhan Al-Kareem**
- 5 **Penganjuran Aktiviti**
- 6 **Sudut Kerohanian**
- 7 **Penghargaan & Iklan**



MASTI
MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA



SENARAI KEPIMPINAN BAHARU PERTISAS 2022/2024

PRESIDEN
En Azizul Azman

**TIMBALAN
PRESIDEN**
En Shahrel Ahmad
Shuhel Ahmad

**NAIB PRESIDEN
UTMJB**
Ts Dr Azlin Abd Jamil

**NAIB PRESIDEN
UTMKL**
En Muhammad Tariq
Rahmalan

**NAIB PRESIDEN
UTM Pagoh**
En Mohd Farid
Rahmat

**NAIB PRESIDEN
WANITA**
Pn Noor Hidayah
Hj Ahmad

**SETIAUSAHA
AGUNG**
Cik Siti Zulfarina
Fadzli

**BENDAHARI
KEHORMAT**
En Jeffri Selamat

**PENOLONG
SETIAUSAHA**
Dr Dina Azleema
Mohamed Nor

**PENOLONG
BENDAHARI**
En Shamsul Azly
Shamsuray

En Mad Yani Kasiren
EXCO Kebajikan

**En Dzulhemi
Mohd Razali**
EXCO Korporat

**En Mohd Fairus
Ahmad**
EXCO Media Grafik

En Masnawi Miskam
EXCO Sukan &
Rekreasi

**En Hemnaarth a/l
Tanakaran**
EXCO Tugas Khas

**En Muhammad Hanafi
Md Sah**
EXCO Penerbitan

**En Muhammad Afdhal
Abd Razak**
EXCO Keahlian

**Ts Mohammed
Mohd Hasni**
EXCO Teknologi
Maklumat

Ust. Amir Irsyad Saim
EXCO Kerohanian

**En Abd Basid
Abd Rahman**
EXCO Ekonomi

**En Muhammad Afiq
Izzudin Mat Jari**
EXCO Latihan



MESYUARAT AGUNG PERTISAS SESI 2022/2024



Mesyuarat Agung PERTISAS bagi sesi 2022/2024 telah diadakan pada 16 Mac 2022 (Rabu) di platform WEBEX <https://utm.click/agmpertisas2022>. Kehadiran ahli adalah sangat-sangat menggalakkan merangkumi tiga kampus UTM iaitu Johor Bahru, Pagoh dan Kuala Lumpur seramai 131 orang dari Johor Bahru, 36 orang dari Kuala Lumpur dan 9 orang dari Pagoh.

Dengan kemudahan teknologi terkini, sesi undian Exco tertinggi PERTISAS juga dijalankan secara atas talian dengan jayanya dan warga PERTISAS telah sebulat suara melantik En Azizul Azman sebagai presiden baharu menggantikan En Azri Hohad dan En Shahrel Ahmad Shuhel Ahmad sebagai timbalan presiden yang baharu menggantikan En Azizul Azman. Manakala lain-lain jawatan majlis tertinggi dan biro-biro memperlihatkan wajah-wajah lama dan baharu didalam barisan kepimpinan.

Anugerah ahli PERTISAS terbaik dan exco terbaik juga telah disampaikan pada mesyuarat agung kali ini. Penerima anugerah ahli terbaik adalah Pn Siti Norulhana Hj Miskam, Pn Siti Faawziah Mohd Noor, En Dzulhelmi Mohd Razali, En Masnawi Miskam, En Muhamamd Hanafi Md Sah, En Nadzreeq Noor Majid dan En Mohd Shahrul Hafiz Razak. Manakala bagi anugerah


STATISTIK PEMILIHAN JAWATANKUASA PERTISAS 2022/2024						
KAMPUS	AHLI	HADIR	% HADIR	UNDI	% HADIR YANG UNDI	% UNDI KESELURUHAN AHLI
JOHOR BAHRU	391	131	33.50%	112	85.50%	28.64%
KUALA LUMPUR	121	36	29.75%	29	80.56%	23.97%
PAGOH	12	9	75.00%	7	77.78%	58.33%
JUMLAH	524	176	33.59%	148	84.09%	28.24%

FAKTA UNDI	AHLI	BUKAN	JUMLAH
BILANGAN UNDI	164	3	167
BILANGAN DITERIMA	148	0	148
BILANGAN DITOLAK	16	3	19
BILANGAN HADIR TIDAK MENGUNDI	28	0	28

Statistik pemilihan jawatankuasa PERTISAS 2022/2024

exco terbaik telah dianugerahkan kepada En Azri Hohad (exco ekonomi), En Mohd Fairus Ahmad (exco media grafik), En Shahrel Ahmad Shuhel Ahmad (exco kerohanian), En Md Yani Kasiren (exco kebajikan), En Mohd Fuad Mohamed Yusof (exco latihan), Ts Mohamed Mohd Hasni (exco IT), En Muhammad Afdhal Abdul Razak (exco latihan), En Azizul Azman (timbangan presiden), En Mohd Helmee Yaacob (naib presiden JB), En Shamsul Azli Samsuray (bendahari), Cik Siti Zulfarina Fadzil (setiausaha) dan Ts Dr Azlin Abd Jamil (penolong setiausaha).

Beberapa isu dan cadangan telah dibentangkan dan diperbahaskan. Mesyuarat agung yang merupakan program terbesar dan terpenting, bukan sahaja untuk bermuhasabah, menilai kekuatan dan kelemahan serta melakar strategi masa depan, tetapi yang lebih penting untuk merapatkan ukhuwah, menjalin persahabatan dan mengukuhkan silaturrahim sesama ahli.




Sesi Mesyuarat Agung PERTISAS sedang berlangsung melalui WEBEX

Mesyuarat pada kali ini telah diakhiri dengan ucapan penangguhan oleh Presiden PERTISAS yang baharu, En Azizul Azman. Beliau juga ingin mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan daripada ahli atas perlantikan beliau dan juga akan mencuba sedaya upaya dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan kerjasama barisan ahli jawatankuasa yang baru dilantik. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.30 petang.



RAMADHAN AL KAREEM



**Selamat Menyambut
Ramadan!** 1443H : 2022M

Selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua muslim di seluruh negara. Semoga ibadah puasa kita kali ini lebih diberkati oleh Allah.

Ingatan Ikhlas dari UNIT ENDOWMEN, Bahagian Pemajuan, Universiti Teknologi Malaysia

5 Star
QS Overall
Rating

TOP 50
Best
Universities
in Asia

TOP 20
Universities
under
50 years of
establishment

inovatif • entrepreneurial • global

www.utm.my

① univteknologimaysia
② utm_my
③ utmofficial

PENGANJURAN AKTIVITI

PENGURUSAN DAN PERANCANGAN KEWANGAN
POTONGAN DAH LIMIT, MORATORIUM DAH HABIS. BUNTUNYAA !



LIVE WEBINAR
JUMAAT
11 MAC 2022
3 PTG
 kulai@agrobank.com.my
 07-6639863



Wacana Kepimpinan Perdana Pentadbir Universiti Awam Malaysia (Siri II)



24 MAC 2022 **KHAMIS**
8 PAGI - 5 PETANG
 SECARA ATAS TALIAN

DIRASMIKAN OLEH :
 YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Bin Jaafar
 Ketua Setiausaha,
 Kementerian Pengajian Tinggi

SELURUH WARGA UTM & PERTISAS
DIJEMPUT HADIR

Daftar: <https://tinyurl.com/latihanpertisas>

SESI PERKONGSIAN PENTADBIRAN

CLOUD STORAGE
 Best Practice

30 Mac 2022
 11.00 am - 12.00 pm

Ts. Mohammed Bin Mohd Hasni
 Penceramah
 Pegawai Teknologi Maklumat
 UTM Digital, UTM

CPD & SIJIL DIBERIKAN!

UTM Pusat Islam
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PERTISAS MASTI
 MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

Kelas Intensif Bahasa Arab Komunikasi
 (Pelbagai Tahap)

SETIAP RABU | 9.00MLM - 10.00MLM

Kelas Secara Atas Talian

Encik Shahrel Ahmad Shuhel Ahmad
 Penolong Pendaftar
 Sekolah Pengajian Siswazah
 Universiti Teknologi Malaysia



MASTI
 MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR
 UNIVERSITI AWAM MALAYSIA



SUDUT KEROHANIAN

5 KELEBIHAN SURAH AL-KAHFI

1. DIPANCARKAN CAHAYA UNTUKNYA ANTARA 2 JUMAAT

Dari Abu Sa'id Al-Khudri RA:

"Barangsiapa membaca surah Al-Kahfi pada hari Jumaat, maka akan dipancarkan cahaya untuknya di antara dua Jumaat."

(HR Al-Hakim 2/368, al-Baihaqi 3/249. Ibnu Hajar kata 'Hadis Hasan' dalam Ta-khrij al-Azkar. Beliau kata hadis ini paling kuat tentang surah Al-Kahfi)

Dalam sebuah lagi hadis, dari Abu Sa'id al-Khudri RA bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَافِيَةِ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ فِيمَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ

Maksudnya: Barangsiapa membaca surat al-Kahfi pada malam Jumaat, maka dipancarkan cahaya untuknya sejauh antara dirinya dia dan Baitul 'atiq.

(Sunan Ad-Darimi: 3273)

2. TERSELAMAT DARI FITNAH DAJJAL

Di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Darda' RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْكَافِيَةِ عُصِمَ مِنَ الدَّجَالِ

Maksudnya: Sesiapa yang menghafal 10 ayat daripada awal surah al-Kahfi akan terselamat daripada fitnah Dajjal.

Hadith riwayat Muslim: 1342

3. TURUNNYA KETENANGAN DAN RAHMAT YANG DISERTAI DENGAN PARA MALAIKAT

Daripada al-Bara' bin 'Azib RA katanya,

"Ada seorang lelaki membaca surah al-Kahfi dan disisinya seekor kuda yang diikat dengan dua utas tali, kemudian dia nampak awan menaunginya, dan awan itu juga menaungi kudanya, tetapi kudanya lari daripada perlindungan awan itu. Keesokannya lelaki itu pergi berjumpa dengan Nabi SAW lalu menceritakan apa yang telah berlaku kepadanya", Baginda pun bersabda,

"Perkara yang berlaku kepada engkau itu adalah al-Sakinah (ketenangan dan rahmat yang disertai dengan para malaikat) yang turun untuk mendengar bacaan ayat-ayat al-Qur'an".

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

4. MENCERITAKAN REALITI KEHIDUPAN SEBENAR

Menurut petikan buku Tafsir dan Tadabbur Surah Al-Kahfi tulisan Datuk Dr Haji Zahazan Mohamed, surah ini bukan sahaja menceritakan realiti kehidupan sebenar, tetapi membuktikan bahawa setiap yang dicatat dalam al-Quran itu bukanlah suatu kebetulan sebaliknya menjelaskan lagi setiap kebenaran. Jika diteliti, surah ini mempunyai satu tema iaitu pertembungan antara iman dengan keduniaan.

Surah al-Kahfi



10 Ayat Akhir بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ 10 Ayat Awal

الَّذِينَ كَانَتْ أَعْيُنُهُمْ فِي غِطَاءٍ عَنْ ذِكْرِي وَكَانُوا لَا يَسْتَطِيعُونَ
 سَمْعًا ﴿١٠﴾ فَحَسِبَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ يَتَّخِذُوا عِبَادِي مِنْ دُونِي
 أَوْلِيَاءَ إِنَّا أَعْتَدْنَا لَهُمْ جَهَنَّمَ لِلْكَافِرِينَ نُزُلًا ﴿١١﴾ قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ
 أَعْمَالًا ﴿١٢﴾ الَّذِينَ صَدَّقُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ
 يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٣﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَلِقَائِهِ
 فَحَبَّطُوا أَعْمَالَهُمْ فَلَا يَقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَزَنًا ﴿١٤﴾ ذَلِكَ جَزَاءُ
 جَهَنَّمَ بِمَا كَفَرُوا وَتَآخَذُوا آيَاتِي وَرُسُلِي هُرُوقًا ﴿١٥﴾ إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا
 وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّاتُ الْفِرْدَوْسِ نُزُلًا ﴿١٦﴾ خَالِدِينَ
 فِيهَا لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا ﴿١٧﴾ قُلْ لَوْ كَانُ الْبَحْرُ مِدَادًا لِكِتَابَتِ
 رَبِّي لَفَنِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلِمَاتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا
 ﴿١٨﴾ قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مُثَلِّمٌ وَلِقَاءُ رَبِّي إِنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ وَحْدَهُ
 فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ رَاغِبًا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُتْرَكْ يَعْبَادُهُ
 رَبَّهُ أَحَدًا ﴿١٩﴾

الْحَقْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِجَابًا
 ﴿١﴾ قِيمًا لِيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِمَّنْ دُونَهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ
 الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ﴿٢﴾
 مَتَّكِبِينَ فِيهِ أَبَدًا ﴿٣﴾ وَيُنذِرَ الَّذِينَ قَالُوا اتَّخَذَ
 اللَّهُ وَلَدًا ﴿٤﴾ مَا هُمْ بِهِ مِنْ عَلِيمٍ وَلَا يَلْبِثُهُمْ فِيهَا كَثْرَتٌ
 مِمَّا كَفَرُوا مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِنْ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٥﴾
 فَالْعَمَلُ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ﴿٦﴾ إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَهَا
 لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ﴿٧﴾ وَإِنَّا لَجَاعِلُونَ مَا عَلَيْهَا
 صَعِيدًا جُرًّا ﴿٨﴾ أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَافِيَةِ
 وَالرَّافِعِينَ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عِجَابًا ﴿٩﴾ إِذْ أَوَى الْفِتْيَةُ إِلَى
 الْكَافِيَةِ فَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا مِنَّا وَلَدَكَ رِجْمَةً وَهِيَ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا
 رَشَدًا ﴿١٠﴾

5. IKTIBAR UNTUK MENGHADAPI UJIAN & FITNAH AKHIR ZAMAN

Secara ringkasnya, terdapat 4 kisah yang disebutkan melalui surah Al-Kahfi iaitu:

i) Kisah penghuni gua – Mengisahkan tentang sekumpulan pemuda (Ashabul Kahfi) yang diuji keimanan sehingga berlindung dalam gua. Kisah ini menuntut kita agar bersahabat dengan orang soleh dan saling membimbing antara satu sama lain dalam memelihara akidah serta iman kepada Allah.

ii) Kisah 2 pemilik kebun – Mengisahkan tentang ujian dan fitnah harta benda yang menimpa mereka. Ia mengingatkan kita kepada kehidupan dunia yang akan musnah dan hari

akhirat yang kekal selamanya.

iii) Kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir – Mengisahkan tentang ujian serta fitnah ilmu. Ia mengingatkan kita agar sentiasa mengamalkan sikap tawaduk dan rendah diri walaupun dikurniakan ilmu yang tinggi.

iv) Kisah Zulqarnain, Yakjuj dan Makjuj – Mengisahkan tentang Zulqarnain yang berhadapan ujian dan fitnah berkaitan kuasa. Ia mengingatkan kita kepentingan sikap tawaduk dan mengakui kekuasaan hanyalah daripada Allah. Setiap kisah ini mempunyai banyak pengajaran yang boleh dijadikan iktibar untuk kita semua.

TAHNAH DAN TERIMA KASIH



SUDUT IKLAN



Program UTM Kasih

Selamat Menyambut Ramadan Al-Mubarak 1443H@2022M

PROGRAM PENYAMPAIAN JUADAH BERBUKA PUASA DAN SAHUR,
SERTA KUIH MUIH; KELENGKAPAN DAN DUIT RAYA
KEPADA ASNAF DAN MEREKA YANG KURANG BERKEMAMPUAN (B40)

Tuan/Puan adalah dijemput untuk menjayakan program ini dengan menghulurkan sumbangan berbentuk pakaian, barangan atau wang tunai. Sumbangan wang tunai boleh dibuat melalui:

- Aplikasi UTMSMART
- Pindahan Wang Tunai (EFT)

Ke Akaun:
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
Bank Muamalat Malaysia Berhad
No-Akaun 0108 0001 614716

Penyumbang program ini adalah layak mendapat pengecualian cukai pendapatan di bawah sub-seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Sila emelkan resit bayaran ke endowmen@utm.my)

Maklumat lanjut sila hubungi:
012-7721037 / 017-7557633
018-2380806 / 019-7124394

Anjuran: Endowmen UTM, UTMAlumni, BAKES, PERTISAS, PERKABA, UTMPOC & UTM MARSHAL






inovatif • entrepreneurial • global

www.utm.my

 [univteknologimalaysia](https://www.facebook.com/univteknologimalaysia)
 [utm_my](https://twitter.com/utm_my)
 [utmofficial](https://www.linkedin.com/company/utmofficial)

DITERBITKAN OLEH



MASTI
MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

PERSATUAN PEGAWAI TADBIR & IKHTISAS
(PPM-011-01-31031993)
Jabatan Pendaftar
Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru Johor



<https://pertisas.utm.my>



pertisas@utm.my



+6013 -718 7183



<https://www.facebook.com/pertisas/>



MASTI
MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

